

DIPANGGIL OLEH ALLAH

Fokus: Panggilan kepada kemuridan merupakan inisiatif Allah. Setiap kita telah dipanggil oleh Allah kerana Kasih-Nya yang percuma. Panggilan ini adalah inisiatif Tuhan sepenuhnya. Oleh itu, walaupun kita tidak sempurna namun, Allah telah memilih dan memanggil kita untuk menjadi murid-Nya.



Lagu Pembukaan: Oh Sabda-Mu Tuhan (*Song of a Young Prophet*)

*Oh firman-Mu Tuhan, dalam hatiku
Oh firman-Mu Tuhan, penuh jiwaku

- | | |
|---|--|
| 1. Sebelum engkau dikandung,
Aku tahu engkau, engkau milik Aku,
Bila engkau dilahir, Aku panggil engkau,
itulah Aku * | 3. Di mana engkau berjalan,
kuasa-Ku denganmu, engkau tak
sendiri,
Dalam segala susahmu,
Aku pun melihat, itu firman-Ku. * |
| 2. Aku tahu engkau kecil, Aku pimpin engkau,
engkau kenal Aku,
Engkau Ku-suruh berjalan,
khabarkan firman-Ku, dengarkanlah * | |

Doa pembukaan: *Dijemput seseorang untuk memimpin kita dalam doa pembukaan untuk menjemput Yesus di tengah kita.*

I. LIHAT KEPADA KEHIDUPAN

"Bilakah kamu menerima panggilan itu?" Ramai orang akan bertanya soalan ini. "Panggilan ini" telah datang menandakan saat di mana orang yang disentuh oleh Allah menyedari bahawa Allah mahu dia melakukan sesuatu untuk orang lain – untuk melayani dan menggembala suatu kelompok, terutama orang-orang dalam KED. ("panggilan" daripada Uskup-uskup Malaysia semasa PMPC)

Dalam Kisah Para Rasul Bab 9, kita tahu tentang "panggilan" Rasul Paulus dalam perjalanannya ke Damsyik. Kita membaca tentang mukjizat Allah keatas Saulus, seorang pemimpin agama yang menganiayai pengikut Kristus. Dalam Kis 9:15, Allah berkata kepada Ananias, "Saulus adalah alat pilihan-Ku untuk membawa pesanan-Ku kepada orang bukan Yahudi dan raja-raja, serta kepada orang Israel".

Seolah dalam sekelip mata, Saulus telah dipenuhi dengan Roh Kudus dan menukarkan namanya. Kebutaan fizikal dan rohaninya telah dihapuskan dari matanya. Dia telah dibaptis dan dipelihara fizikalnya, untuk mendapatkan semula kekuatan, dan untuk berkhotbah (Kis 9: 17-22). Itulah "panggilan" – suatu tugas Ilahi yang unik, diberikan oleh Allah untuk tujuan-Nya. Ia memerlukan ketaatan yang setia dan aktif, komitmen yang tidak berbelah bahagi dan kesetiaan daripada orang yang dipanggilNya.

Renungan:

- Apakah yang boleh kita katakan mengenai panggilan Allah? (Kongsikan dalam kumpulan kecil.)

2. MENDENGAR ALLAH BERSABDA

Matius 9: 9-13

- Baca petikan sebanyak dua kali.
- Pilih kata atau frasa pendek dari teks tersebut. Ungkapkan dengan suara yang kedengaran kuat dalam suasana doa sebanyak tiga kali dan hening sejenak di antara ungkapan itu.
- Renungkan kata atau frasa pendek yang dipilih dalam keadaan senyap selama dua minit.
- Dalam kumpulan kecil, kongsikan perkataan atau frasa yang menyentuh hati anda.
- Kongsikan juga peristiwa di mana anda telah mendengar panggilan Allah dan menjawab panggilan itu.

3. HIDUP DALAM CINTA KASIH

- Dalam kumpulan besar, kongsikan sebahagian daripada hasil perkongsian kumpulan kecil anda.
- Bincangkan satu tindakan yang perlu dilakukan sebagai respon untuk panggilan yang kita terima pada hari ini. Siapa yang melakukan Apa, Bila dan Bagaimana?
- Laporkan aktiviti KED sejak pertemuan yang lepas. *(jika ada)*

Doa Penutup

Mintalah setiap anggota KED untuk mendoakan :

- keperluan KED dan Paroki
- perancangan tindakan yang telah dibincangkan.
(dalam kata-kata /bahasa mereka sendiri)

Lagu Penutup: Pangilan Tuhan



* Ku bersyukur pada Mu Tuhan
Engkau memanggil aku
Kini ku menjawab panggilan Mu
Oh ... syukurlah Tuhan

- | | |
|---|--|
| 1. Ku terdengar suara Mu
Membisik di hatiku
Air mataku mengalir
Mendengar bisikan Mu * | 3. Hidupku yang dulu
Suka meninggi diri
Tuhan beri damai di hatiku
Ku kesal segala dosaku gelap * |
| 2. Hatiku bernyanyi
Memujikan nama Mu
Hidup baruku alami
Di atas panggilan Mu * | |

Liturgi: Pesta Pembaptisan Tuhan (12 Januari 2014)